

# PM hadir sambutan Aidilfitri Kementerian Kewangan

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam hadir Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Rumah Terbuka Kementerian Kewangan, di sini.

Kehadiran beliau pada kira-kira jam 12 tengah hari disambut Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Antara tetamu yang turut hadir memeriahkan majlis rumah terbuka itu, Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein; Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Ismail Sabri yang lengkap berbaju Melayu merah dan

bersamping merah jambu meluangkan kira-kira sejam 40 minit di majlis itu yang dihadiri kira-kira 7,000 tetamu.

Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis sambutan Aidilfitri Kementerian Kesihatan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini dan meluangkan masa kira-kira 30 minit pada majlis itu yang turut dihadiri kira-kira 5,000 tetamu.

Kehadiran beliau pada kira-kira jam 2 petang disambut Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin; timbalannya, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

BERNAMA



*Ismail Sabri bersama Tengku Zafrul pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Rumah Terbuka Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam.*

(Foto BERNAMA)